

## **PERUBATAN FORENSIK DALAM KES SERANGAN SEKSUAL**

**MUHAMMAD IMRAN BIN RAZALI**

Pegawai Tadbir Diplomatik /Calon Phd, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan (UKM)

[imranrazali.dpa17@gmail.com](mailto:imranrazali.dpa17@gmail.com)

**HAMMAD MOHAMAD DAHALAN**

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[hammad@kuis.edu.my](mailto:hammad@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Perkembangan dalam kes jenayah serangan seksual menunjukkan bahawa manusia boleh bertindak di luar jangkaan. Terdapat beberapa kes yang mana serangan seksual ke atas mangsa adalah di luar kotak pemikiran manusia. Ilmu perubatan forensik merupakan salah satu cabang ilmu sains yang mempunyai peranan penting dalam membantu mahkamah menyelesaikan kes-kes serangan seksual yang semakin kompleks. Meskipun demikian, pengetahuan berhubung Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang dilaksanakan oleh pegawai perubatan ke atas mangsa serangan seksual masih kurang dikalangan masyarakat. Oleh itu, penulisan artikel ini akan membawa beberapa objektif. Pertama, artikel ini akan menjelaskan tentang sejarah dan konsep perubatan forensik. Kedua, artikel ini akan membincangkan tentang SOP serta keterangan pendapat pakar perubatan forensik dalam kes serangan seksual di mahkamah. Ketiga, mencadangkan penambahbaikan bagi memantapkan peranan pakar perubatan forensik dalam memberikan keterangan di mahkamah. Artikel ini menggunakan kaedah doktrinal dan merupakan kajian kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kegagalan untuk memahami dan mengaplikasikan keterangan pendapat pakar perubatan forensik dalam kes serangan seksual di mahkamah menyebabkan keadilan tidak dapat dicapai.

***Kata Kunci:** Serangan Seksual; Perubatan Forensik; keterangan pendapat pakar; Tatacara Pengendalian Piawai (SOP); Mahkamah.*

### **MAKSUD PERUBATAN FORENSIK**

Perubatan forensik merupakan satu cabang dalam bidang perubatan yang memerlukan aplikasi ilmu perubatan dalam memenuhi keperluan dari sudut perundangan. Matlamatnya adalah sama seperti cabang ilmu sains yang lain, iaitu membantu dalam merungkai kebenaran, khususnya dalam aspek penyiasatan kehakiman sama ada melibatkan undang-undang sivil ataupun jenayah (Ejaz Ahmad, 1996). Modi (1940) menjelaskan bahawa jurisprudens perubatan, perubatan forensik dan undang-undang perubatan merupakan istilah yang sinonim di bawah cabang perubatan. Di samping itu, prinsip serta ilmu perubatan digunakan bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam undang-undang sivil dan undang-undang jenayah.

Prinsip yang terpakai dalam perubatan forensik ialah setiap kejadian yang berlaku pasti meninggalkan kesan (exchange traces), misalnya, dalam kes-kes jenayah seperti langgar lari, pembunuhan dan lain-lain. Malah, Sharma (2003) dalam ulasannya menyatakan bahawa adalah sukar untuk digambarkan apabila dalam suatu kes jenayah, penjenayah, mangsa serta objek yang digunakan tidak meninggalkan sebarang kesan atau jejak yang boleh dikaitkan tempat kejadian jenayah.

Oleh hal yang demikian, perubatan forensik berbeza daripada ilmu rawatan yang mana pakar-pakar bidang ini perlu melihat sesuatu fakta dengan lebih mendalam dari sudut pandangan

sebagai seorang peguam berbanding dengan seorang doktor. Tugas seorang doktor menurut Woodroffe dan Ameer (2012) adalah untuk menyembuhkan pesakitnya dan apabila mereka melihat mayat yang mempunyai kesan kecederaan, maka mereka akan menganggap seolah-olah kecederaan mayat itu tidak dapat dirawat. Berbeza dengan ahli perubatan forensik, mereka perlu memutuskan sama ada kesan kecederaan pada mayat tersebut berpunca daripada kemalangan atau kes jenayah; dan sama ada ia mendatangkan bahaya kepada nyawa manusia atau sebaliknya (Woodroffe & Ameer, 2012)

## **Sejarah Perubatan Forensik**

Secara umumnya, perubatan forensik telah wujud sejak beberapa abad yang lalu. Smith (1991) dalam penulisannya telah menjelaskan bahawa istilah perubatan forensik hanya wujud setelah negara-negara di dunia melalui proses ketamadunan yang merangkumi sistem perundangan yang diiktiraf serta penggabungan badan ilmu perubatan. Selain itu, Trail (1840) telah menyatakan bahawa istilah khusus bagi perubatan forensik atau jurisprudens perubatan telah wujud sejak awal abad ke-19 dan setiap negara menggunakan istilah yang berbeza. Sebagai contoh, di negara Jerman, bidang ini dinamakan sebagai “State Medicine.” Sementara itu di Itali dan Perancis pula, bidang ini lebih dikenali sebagai perubatan forensik, manakala di United Kingdom, dinamakan sebagai jurisprudens perubatan atau perubatan forensik.

Menurut Trail (1840) juga, terdapat banyak rujukan yang menunjukkan keterlibatan pakar-pakar perubatan dalam membantu kelancaran proses undang-undang. Para doktor perubatan ini akan terlibat dalam kes-kes jenayah atau sivil dan pada masa yang sama, mereka perlu memastikan kesihatan pihak awam turut dipelihara. Walau bagaimanapun, masih terdapat perbincangan berkaitan dengan bilakah kepakaran perubatan mula diperkenalkan bagi menjelaskan isu-isu yang timbul dalam perundangan.

Pada tahun 1975, pasukan arkeologi dari negara China telah menemukan kepingan kayu buluh dari Dinasti Qin pada abad 220 yang menjelaskan tentang peraturan pemeriksaan kesan kecederaan terhadap tubuh badan mangsa (Trail, 1840). Amundsen dan Ferngren (1977) telah menyimpulkan bahawa kaedah forensik perubatan telah mula digunakan oleh Mahkamah Athens yang mana keterangan yang dikemukakan oleh ahli perubatan dianggap sebagai keterangan pakar yang boleh membantu pihak mahkamah dalam menyelesaikan isu-isu perubatan. Perkara ini turut dapat dilihat semasa pemerintahan Kerajaan Republik Rom kerana telah wujud undang-undang spesifik yang dinamakan sebagai *Lex Duodecim Tabularum* yang menjelaskan berkenaan dengan hal-hal yang melibatkan medikolegal, seperti isu kehamilan bagi menentukan kesahataran anak, hukuman yang ditentukan berdasarkan tahap kecederaan yang telah dilakukan oleh spenyerang terhadap mangsa, dan jenis racun yang digunakan untuk membunuh mangsa (Amundsen & Ferngren, 1977).

Oleh itu, adalah jelas bahawa ilmu perubatan forensik bukan suatu bidang yang baharu, tetapi telah mula bertapak sejak abad ke-19. Hal ini kerana kes-kes jenayah yang rumit memerlukan kepakaran ilmu sains forensik yang ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan proses undang-undang dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama.

## **Peranan Perubatan Forensik Dalam Kes Serangan Seksual**

Menurut Dominic & Vincent (1989), kes-kes serangan seksual mempunyai permasalahan yang unik yang mana seseorang pakar perubatan forensik perlu memikul beban pengumpulan

pembuktian yang sewajarnya bagi memastikan pengurusan kes serangan seksual dilaksanakan dengan betul mengikut undang-undang dan amalan serta prinsip dalam perubatan. Malah, ia turut memerlukan penyelarasan antara pegawai perubatan yang membuat pemeriksaan terhadap mangsa tersebut dengan laporan daripada pihak makmal jenayah. Oleh itu, peranan perubatan forensik dalam kes serangan seksual adalah amat penting.

### **Bertindak sebagai Saksi Pakar dalam Mahkamah**

Setiap analisis yang dilakukan oleh seorang pakar perubatan dalam kes serangan seksual adalah lebih kritis dan terperinci bagi menentukan sama ada serangan seksual telah berlaku (Dominic & Vincent, 1989). Kepakaran yang dimiliki oleh golongan ini perlu digunakan sebaiknya di mahkamah. Pandangan serta penjelasan dari aspek perubatan forensik akan membantu hakim dalam membuat keputusan yang adil serta memelihara kemaslahatan awam. Hal ini dapat dilihat berdasarkan seksyen 45 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] (AK 1950) yang telah memperuntukkan berkaitan dengan pendapat pakar seperti yang berikut:

“(1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan.

(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.”

Dengan merujuk skop seksyen 45 (1) dan (2), dapat difahami bahawa perubatan forensik merupakan antara cabang ilmu sains dan ia boleh dijadikan sebagai keterangan untuk membantu pihak mahkamah. Hal ini kerana terdapat beberapa keadaan di mana mahkamah memerlukan pendapat daripada pihak ketiga yang pakar dalam bidang tersebut bagi memastikan penghakiman yang lebih adil dan tepat (Mariette Peters, 2013). Dalam erti kata yang lain, mahkamah boleh menerima keterangan pendapat apabila mahkamah tidak mempunyai kepakaran untuk memutuskan sesuatu perkara yang tertentu, seperti undang-undang negara asing, sains, seni dan tulisan tangan (Rafiah dan Cheong, 2013). Hal ini jelas menunjukkan bahawa individu yang ditakrifkan sebagai pakar perlu mempunyai kemahiran dan pengalaman yang tertentu dalam sesuatu bidang (Mariette Peters, 2013). Namun demikian, keterangan pendapat pakar tidak semestinya muktamad dan ia adalah sekadar panduan kepada hakim perbicaraan dalam membuat penghakiman.

Dalam kes *Pendakwaraya v Muhamed Bin Sulaiman [1982] MLJ 320, FC*, Hakim perbicaraan telah mentakrifkan pakar sebagai “individu yang mempunyai kepakaran tertentu.” *Lord President Suffian* dalam penghakimannya telah menyatakan seperti yang berikut:

*It is true that the witness who is called upon to give evidence founded on a comparison of handwritings must be peritus; he must be skilled in doing so; but we cannot say he must be peritus in the way of his bussines or in any definite way. The Question is, is he peritus? Is he skilled? Has he adequate knowledge?*

Berdasarkan kes tersebut, dapat difahami bahawa hakim perbicaraan telah meletakkan beberapa elemen bagi menentukan seseorang itu sebagai pakar, iaitu:

(a) Individu tersebut mestilah berkemahiran;

- (b) Individu tersebut mahir untuk melakukan perkara sedemikian; dan
- (c) Namun begitu, kita tidak boleh menyatakan bahawa individu tersebut perlu mahir secara pasti dalam bidangnya.

Sementara itu, peranan seorang pakar forensik dalam kes serangan seksual perlu dilihat sebagai pihak yang mempunyai objektif serta bebas dari dipengaruhi oleh mana-mana pihak di mahkamah sepanjang proses litigasi dijalankan (Raine, 1999). Ia menyebabkan kejayaan dalam memastikan individu yang bersalah diterima hukuman yang setimpalnya adalah bergantung kepada kekuatan keterangan perubatan yang dikemukakan di mahkamah. Namun begitu, Kimberly (2005) telah menyatakan peranan seorang pakar dalam kes serangan seksual adalah bukan semata-mata untuk memberikan keterangan di mahkamah, tetapi mereka juga mempunyai peranan seperti membantu mahkamah dengan mengemukakan laporan klinikal yang terperinci ke atas mangsa.

Menurut Green (1988), seorang pegawai perubatan yang mengemukakan keterangan pakar di mahkamah tidak boleh sama sekali membuat sebarang kesimpulan bahawa tertuduh telah merogol mangsa. Namun peranan mereka adalah untuk mengemukakan keterangan secara saintifik bahawa telah wujudnya elemen serangan seksual atau rogol ke atas mangsa dan memastikan keterangan yang dikemukakan adalah konsisten dengan keterangan yang dikemukakan oleh mangsa (Ledray, 1999). Oleh itu, peranan mereka dalam kes serangan seksual adalah amat penting bagi memastikan mahkamah membuat keputusan yang tepat, seterusnya pesalah akan mendapat hukuman yang setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan.

### **Pemeriksaan terhadap Mangsa Serangan Seksual**

Berdasarkan penulisan Dominic dan Vincent (1989), mereka telah menyatakan bahawa pemeriksaan yang dijalankan terhadap mangsa serangan seksual, khususnya bagi mangsa yang masih hidup perlu dilaksanakan oleh pegawai perubatan yang berpengalaman seperti pakar obstetrik, ginekologi dan lain-lain. Tambahan pula, laporan perubatan daripada pegawai perubatan yang berpengalaman akan membawa nilai pembuktian yang lebih tinggi bagi meyakinkan pihak mahkamah. Sekiranya pemeriksaan terhadap mangsa dilakukan oleh doktor yang kurang berpengalaman, maka kecenderungan mereka untuk melakukan kesilapan dalam mengemukakan keterangan di mahkamah adalah tinggi. Oleh itu, Raine (1999) dalam penulisannya telah menjelaskan bahawa amat penting bagi pihak mahkamah menetapkan beberapa kriteria dan sistem akreditasi terhadap pegawai perubatan sebelum mengemukakan keterangan kepada pihak mahkamah sebagai contoh sijil kepakaran Pasca Siswazah dalam bidang perubatan dan tempoh pengalaman pegawai perubatan tersebut yang munasabah yang telah berkhidmat dalam mengendalikan pesakit-pesakit di hospital.

Selain itu, terdapat juga keadaan yang mana para doktor berasa takut untuk memberikan keterangan kerana kurangnya pendedahan berkaitan prosedur undang-undang yang kemudiannya akan menyebabkan mereka akan disoal balas oleh peguam secara bertubi-tubi di mahkamah (Anggarwal et. Al, 2007). Maka, keterangan pendapat pakar yang dikemukakan oleh individu yang berpengalaman adalah penting kerana mereka memikul tanggungjawab untuk menjelaskan kepada mahkamah bahawa telah wujudnya elemen-elemen yang menunjukkan mangsa telah dirogol melalui pemeriksaan perubatan yang telah dilakukan seperti kesan-kesan trauma terhadap mangsa, wujudnya persetubuhan atau bukti-bukti yang lain (Dominic dan Vincent, 1989).

Sementara itu, seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574) telah menetapkan elemen-elemen yang perlu diambil kira bagi kesalahan merogol. Antara elemen yang perlu diambil kira bagi kesalahan merogol adalah memadai dengan wujudnya elemen kemasukan (*penetration*). Namun begitu, kesalahan rogol juga tertakluk pada elemen-elemen lain seperti kemahuan, kerelaan dan umur mangsa yang dirogol. Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Regina lwn. Joseph Lines (1944) 1 C & K 393*, “kemasukan” dikatakan berlaku apabila mana-mana bahagian kemaluan lelaki berada di dalam lingkungan bibir kemaluan perempuan. Oleh itu, sekiranya berlaku kes serangan seksual, ilmu perubatan forensik akan menjadi panduan bagi pegawai perubatan untuk membantu pihak mahkamah dalam menentukan bahawa wujudnya elemen serangan seksual terhadap mangsa.

Berdasarkan kepada Ledray (1999), pemeriksaan dan dapatan secara fizikal perlu dilaksanakan ke atas mangsa serangan seksual. Perkara-perkara yang perlu direkodkan dalam pemeriksaan perubatan forensik ke atas mangsa adalah merangkumi kecederaan fizikial yang dapat dikesan, pengalaman atau kesakitan yang dialami oleh mangsa, warna atau kesan yang tertinggal pada tubuh badan mangsa, atau sebarang bukti fizikal yang dapat dikenal pasti pada baju mangsa. Sekiranya bukti-bukti tersebut adalah konsisten dengan keterangan dan laporan yang dikemukakan oleh mangsa, maka pegawai perubatan perlu memberikan perhatian secara khusus dengan memasukkan dapatan tersebut sebagai sebahagian daripada keterangannya di mahkamah kelak (Green, 1988). Keterangan tersebut seterusnya akan membantu pihak mahkamah untuk membuat kesimpulan bahawa telah wujudnya elemen serangan seksual atau rogol ke atas mangsa berdasarkan kepada pembuktian yang telah dikemukakan.

### **Memastikan Integriti Bahan Bukti Dipelihara**

Selain melaksanakan pemeriksaan terhadap mangsa, menjadi tanggungjawab pegawai perubatan untuk memastikan bahawa bahan pembuktian yang dikemukakan tidak tercemar. Di samping itu, pegawai perubatan dalam kes serangan seksual juga memainkan peranan dalam sebahagian daripada rantaian penjagaan (*chain of custody*) yang mana ia perlu dipelihara bermula dari siasatan tempat kejadian sehingga bahan bukti tersebut dikemukakan ke mahkamah. Hal ini kerana amat penting bagi pegawai penyiasat untuk memastikan integriti bahan bukti dipelihara dengan menubuhkan dan mengekalkan rantaian penjagaan dalam suatu penyiasatan (Ramalingam et.al, 2016).

Berdasarkan kes *Mark Boese, Director, Tulsa Police Department Crime Laboratory*, Fakta kes telah menjelaskan bahawa tertuduh merupakan orang awam yang dilantik sebagai Pengarah Bahagian Makmal Jenayah, *Tulsa Police Department* sejak tahun 1999 (Michael, 2014). Dalam pada itu, menurut laporan daripada Marshall (2010), beliau telah dipecat atas kecuaiannya dan ketidakcekapan dalam memelihara bahan bukti seperti yang berikut:

*Among the investigations that he failed to perform his duties as a lab director and firearms examiner and failed to properly supervise, [Officer Jason] Willingham said.*

*In a personal order from Interim Chuck Jordan, he is accused of numerous violations of both city and Tulsa Police Department Rules, regulations and policies.*

*Among the allegations against Boese is that he failed to comply with repeated instructions to properly locate and secure evidence as required by policy beginning in March, the order states. After he was placed on administrative leave, numerous*

***improperly handled and incomplete files were found in Boese's office, along with some evidentiary items, the personal states.***

Dengan merujuk laporan yang telah dinyatakan, kesalahan yang berlaku ialah tertuduh tidak mematuhi arahan berkaitan dengan pemeliharaan bahan bukti seperti yang telah ditetapkan dalam peraturan. Kesalahan-kesalahan tersebut akan menyebabkan integriti bahan bukti tersebut tercemar dan dalam masa yang sama, memberikan kesan terhadap tahap pembuktian suatu kes apabila ia dikemukakan ke mahkamah.

Di samping itu, Janice & Deborah (2007) telah menyatakan bagi kes yang melibatkan mangsa yang dirogol, antara bahan bukti yang perlu dipelihara oleh pegawai perubatan adalah melalui pengumpulan DNA seperti rambut dari kepala atau kemaluan, kesan air liur yang terdapat pada tubuh badan mangsa dan lain-lain. Bagi mangsa yang telah tidak sedarkan diri ketika beliau dirogol, maka pegawai perubatan perlu memelihara ujian darah dan air kencing yang telah dijalankan ke atas mangsa untuk mengenal pasti sama ada mangsa telah diberikan dadah atau sebagainya sehingga menyebabkan mangsa tidak sedarkan diri. Selain itu, pakaian mangsa juga perlu dipelihara dengan baik agar dapatan yang kukuh dapat dikenal pasti seperti kesan air liur penyerang, kesan koyakan, air mani dan lain-lain. Bukti-bukti ini akan digunakan untuk membantu proses siasatan serta menyokong keterangan yang dikemukakan dikemukakan oleh mangsa di mahkamah (1988).

### **Menjalankan pemeriksaan dan laporan post-mortem kepada mahkamah**

Bagi kes serangan seksual terhadap mangsa yang telah mati, peranan pakar perubatan forensik juga melibatkan pelaksanaan proses dan laporan post mortem kepada pihak mahkamah selepas kes tersebut dikemukakan daripada pihak polis. Peranan ini dapat dirujuk secara khusus dalam seksyen 331 (1) dan (2) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) yang telah menjelaskan seorang pegawai perubatan perlu menjalankan pemeriksaan seberapa segera yang mungkin ke atas mayat tersebut untuk menentukan sebab kematian tersebut terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan inkues. Selanjutnya, seksyen 332 (1) dan (2) Akta 593 menjelaskan hasil dari pemeriksaan post mortem tersebut, pegawai perubatan perlu menyediakan laporan secara terperinci dan diserahkan kepada pihak polis. Malah Laporan post-mortem oleh Pegawai perubatan tersebut boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* dalam suatu fakta kes. Dalam *kes Pendakwa Raya Iwn Soo Lik Duo* [2016] MLJU 1550, tertuduh pada 10.10.2012 jam lebih kurang 3.00 petang sehingga 8.00 malam, di rumah no. 45, Jalan Bistari 2, Taman Bistari, Tongkang Pechah, dalam daerah Batu Pahat, dalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah membunuh anak perempuannya Nur Irisyafida Balkis binti Abdul Azim (Simati) dan sekiranya sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu hukuman gantung sampai mati.

Dalam kes tersebut, hakim bicara telah meneliti laporan pemeriksaan post-mortem yang telah dikemukakan oleh seorang pakar perubatan forensik iaitu Dr. Khairul Anuar Zainun yang telah mengesahkan bahawa kematian Simati adalah disebabkan oleh 'head injury due to blunt force trauma.' Ini juga disokong oleh keterangan yang dikemukakan oleh SP8 (Ibu Simati) bahawa tertuduh adalah individu yang telah membunuh Simati. Mahkamah dalam kes tersebut telah memutuskan tertuduh adalah disabitkan dengan kesalahan membunuh sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu hukum gantung sampai mati. Oleh itu, kes ini jelas menunjukkan bahawa laporan Perubatan Post-Mortem yang dilaksanakan oleh Pegawai perubatan telah membantu mahkamah dalam mensabitkan tertuduh terhadap jenayah yang dilakukan.

## **Cadangan Dan Penambahbaikan Dalam Bidang Perubatan Forensik Di Malaysia**

### **Pendedahan Ilmu berkaitan Rukun Keterangan di Mahkamah kepada Ahli Perubatan Forensik**

Kepakaran ahli-ahli forensik dalam membantu pihak mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes serangan seksual tidak dapat dinafikan. Oleh itu, mereka juga perlu didedahkan dengan ilmu berkaitan rukun keterangan agar mereka lebih bersedia dalam mengemukakan keterangan mereka di mahkamah kerana keterangan itu juga merupakan sebahagian daripada proses pembuktian di mahkamah. Malah, perkara ini juga dapat mengelakkan dari berlakunya bahan bukti tercemar. Antara inisiatif lain yang boleh dilakukan adalah dengan memperbanyak penulisan berkaitan Rukun Keterangan Perubatan Forensik. Ini dapat dilihat seperti di negara AS yang mana beberapa panel pakar yang diiktiraf secara aktifnya menulis tentang pembuktian kes-kes mangsa serangan seksual di mahkamah. Penulisan dan artikel yang dikeluarkan bukan sahaja boleh membantu para pengamal perubatan forensik, malah ia juga boleh dirujuk oleh para hakim dan pengamal undang-undang. Oleh itu, gabungan ilmu sains perubatan forensik serta ilmu berkaitan rukun keterangan di mahkamah akan menjadi nilai tambah bagi ahli-ahli forensik dalam mengemukakan keterangan di mahkamah.

### **Mewujudkan Akta Khusus Berkaitan dengan Forensik**

Di negara maju seperti di Australia, kerajaannya telah mewujudkan suatu undang-undang khusus berkaitan dengan tatacara forensik yang dikenali sebagai *Crimes (Forensic Procedures) Act 2000*. Dalam akta tersebut, diperuntukkan dengan terperinci berkaitan dengan pelaksanaan perubatan forensik. Sebagai contoh, *Australia's Forensic Procedure* telah memperuntukkan secara spesifik dibawah seksyen 85 dan 86 berkaitan keterangan yang tidak mengikut tatacara forensik adalah tidak diterima di mahkamah. Berbeza di Malaysia, kebolehterimaan suatu keterangan perlu dirujuk pada satu akta yang berasingan iaitu Akta Keterangan 1950. Oleh itu, mewujudkan suatu akta yang khusus berkaitan forensik akan memastikan keterangan yang dikemukakan adalah selaras mengikut panduan dan prosedur yang spesifik, dalam yang sama menutup ruang-ruang yang boleh menyebabkan keterangan mereka ditolak oleh mahkamah.

### **Mewujudkan Satu Badan Forensik yang diiktiraf oleh Undang-undang khusus dalam Kes-kes Serangan Seksual**

Perubatan forensik perlu diangkat pada martabat yang lebih tinggi melalui penubuhan satu badan forensik yang diiktiraf bukan sahaja dari sudut ilmu perubatan, tetapi juga diiktiraf oleh undang-undang. Badan Forensik ini akan berfungsi sebagai satu badan yang akan memantau kes-kes serangan seksual dengan mengemukakan penulisan-penulisan ilmiah yang boleh membantu pihak mahkamah untuk membuat keputusan yang tepat dan adil. Di samping itu, badan ini juga boleh berfungsi sebagai satu badan yang akan mengawal selia akreditasi dan dan pengiktirafan kepada ahli pakar forensik mengikut pengalaman dan kes-kes serangan seksual yang pernah dikendalikan. Sebagai contoh, United Kingdom merupakan negara pertama menubuhkan badan pengawalseliaan sains forensik yang bebas untuk melatih ahli perubatan forensik berkaitan keterangan undang-undang keterangan forensik di mahkamah. Oleh itu, inisiatif ini akan memastikan keterangan perubatan forensik yang dikemukakan di mahkamah akan mempunyai nilai keterangan yang lebih tinggi berdasarkan pengalaman dan kemahiran mereka.

## KESIMPULAN

Perubatan Forensik adalah antara cabang ilmu sains yang amat penting dalam pembuktian sesuatu kes jenayah khususnya bagi kes-kes serangan seksual. Melihat kepada kes jenayah yang semakin kompleks, adalah mustahil bagi seorang hakim membuat keputusan dengan hanya bersandarkan kepada ilmu pengetahuan dan pengalamannya dalam mengendalikan kes-kes di mahkamah. Ilmu seorang hakim itu adalah terbatas setakat pengetahuannya, sedangkan ilmu perubatan forensik memerlukan penjelasan yang terperinci dari mereka yang pakar dalam bidang tersebut. Kebanyakan kes-kes yang berkaitan serangan seksual telah menunjukkan para hakim juga merujuk kepada keterangan yang dikemukakan oleh perubatan forensik bagi mensabitkan kesalahan ke atas pesalah. Ini menunjukkan bahawa keterangan perubatan forensik telah banyak membantu hakim untuk mengenal pasti wasilah antara keterangan saintifik yang dikemukakan dan keterangan yang dikemukakan oleh mangsa.

Walau bagaimanapun, prinsip yang jelas perlu difahami bahawa keterangan perubatan forensik adalah sekadar membantu mahkamah untuk mengenalpasti apakah hubungkaitnya dengan fakta kes agar kesimpulan yang dibuat oleh hakim bicara adalah tepat dan wajar mengikut rukun keterangan. Oleh itu, matlamat dan prinsip di antara perubatan forensik dan institusi kehakiman perlu selari untuk memastikan keadilan dapat dicapai berdasarkan keterangan yang mempunyai nilai yang tinggi di sisi undang-undang.

## RUJUKAN

- Amundsen, D. W. and Ferngren, G. B. (1979). Forensic role of physicians in Roman law. *Bull Hist Med.* **53**, 39–56.
- Chivers-Wilson, K. A. (2006). Sexual Assault and Posttraumatic Stress Disorder: A Review of the Biological, Psychological and Sociological Factors and Treatments. *McGill Journal of Medicine*, 9(2). p111-118.
- C. Michael Bowers. (2014). *Forensic Testimony, Science, Law and Experts Evidence*. San Diego: Academic Press. Hlm. 224.
- Dominick J. Di Maio and Vincent J.M Di Maio. (1989). *Forensic Pathology*. New York: Elsevier. Hlm. 389.
- Dr. Lori Haskell, C. Psych and Dr. Melanie Randall. (2019). *The Impact of Trauma on Adult Sexual Assault Victims*. Report Submitted to Justice Canada. p12.
- Dr. A.D. Anggarwal, Dr. A.D. Harnam Singh and Dr. R.K. Gorea. (2007). *Medical Witness and Indian Courts*. J Punjab Acad Forensics Med Toxicology. Hlm. 20.
- Ejaz Ahmad. (1996). *Medical Evidence & Gist on Non Medical Evidence*. New Delhi Allahabad. Hlm. 39-40.
- Green, W. (1988). *Rape: The Evidential Examination and Management Of The Adult Female Victim*. Massachusetts: Lexington Books.
- Jessica Shaw. (2014). *Justifying Injustice : How the Criminal Justice System Explains its Response to Sexual Assault*. Michigan state University. Hlm. 12.
- Janice Du Mont & Deborah White. (2007). *The Uses and Impacts of Medico-legal Evidence In Sexual Assault Cases : A Global Review*. World Health Organization : Switzerland. Hlm. 10
- Kimberly A. Lonsway, Phd. (2005). *The Use of Expert Witnesses in Case Involving Sexual Assault*. Violence Against Women Resources. Hlm. 7.
- Ledray, L. E. (1999). *Sexual assault nurse examiner (SANE): Development & operation guide*. Washington, D.C.: U.S. Department of Justice, Office of Justice Programs, and Office for Victims of Crime.



- Littleton, H. L., Axsom, D., Breitkopf, C. R., & Berenson, A. (2006). Rape Acknowledgment and Postassault Experiences: How Acknowledgment Status Relates to Disclosure, Coping, Worldview, and Reactions Received From Others. p761-778.
- Meriette Peters. (2013). Law of Evidence in Malaysia. Selangor: Lexis Nexis. Hlm. 297-299.
- Marshal, N. (2010). Tulsa police forensic laboratory director fired. Tulsa World, June 21.
- One Stop Crisis Centre (OSCC). Policy and Guidelines For Hospitals, Ministry of Health Malaysia (MOH). Hlm 8-9.
- Rai Bahadur Jaising P. sharma.1940. A Textbook of Medical Jurisprudence and Toxicology. Hlm. I
- Raine E & Roberts. (1999). Forensic Medical Evidence in Rape and Child Sexual Abuse: Controversies and a Possible Solution. Journal of The Royal Society of Medicine. Hlm. 388-391.
- Rafiah Salim & Cheong May Fong. (2013). *Evidence in Malaysia and Singapore: Cases Materials and Commentary*. Selangor: Lexis Nexis. Hlm. 251.
- Ramalinggam Rajamanickam, Raja Muhammad Zuha, Muzayana Safie, Goh Jun Kai dan Azim Rabbani Syed Sultan. (2016). Pengendalian Penyiasatan Tempat Kejadian Jenayah. Persiswa Law Conference, Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharma, B. R., Dr. (2003). Forensic Science in Criminal Investigation and Trials. New Delhi: Universal Law Publication. Hlm. 7
- Sir Mark Walport. Forensic Science And Beyond: Authenticity, Provenance And Assurance: Evidence and Study Case. Government Office for Science, United Kingdom. Hlm. 25-26.
- Sir Sydney Smith. (1951).The History and Developent of Forensic Medicine. British Medical Journal. p 600
- Seargent Joanne Archambault (Ret). (2005). Investigating Sexual Assault, Concepts and Issues Paper. IACP National Law Enforcement Policy Centre. Hlm. 2.
- Thomas Stewart Trail. (1840). Outlines of Course Lecturers On Medical Jurisprudence. Edinburgh: Lea and Blanchard. Second Edition.
- Terrence F. Kielly. (2001). Forensic Evidence: Science and The Criminal Law. United States: CRC Press. Hlm. 207.
- Woodroffe and Ameer Ali. Law of Evidence. Butterworths Wadhwa: Lexis Nexis. Hlm 974

### **Statut**

Akta Keterangan 1950 [Akta 56] (AK 1950)  
Australia's Crimes (Forensic Procedures) Act 2000  
seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574)

### **Kes-kes**

Brewer v. State of Mississmippi, 725 S0.2d 106 (1998)  
Muhamad Nor Daod @ Mat Irat lwn. PP [2009] 1 LNS 821  
Muhmed Azroel bin Hassan dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2019] MLJU 803  
Pendakwaraya lwn Muhamed Bin Sulaiman ([1982] MLJ 320, FC)  
Pendakwa Raya lwn Soo Lik Duo [2016] MLJU 1550  
Public Prosecutor v Haniff bin Abdul Rahman [2008] 3 MLJ 161  
People vs Richards [1998] FV100826  
Regina lwn. Joseph Lines [(1944) 1 C & K 393]

State v. Cazes, 875 S.W.2d 253 (1994)  
Sazali bin Darus lwn Pendakwa Raya [2014] MLJU 1190